

19 SEP 2003

Mahathir-Hudud

HUDUD PAS BUKAN HUDUD ALLAH, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata undang-undang Hudud Pas terbukti bukan undang-undang Allah kerana boleh dipinda apabila ianya tidak dipersetujui oleh orang ramai.

Ini jelas terbukti apabila parti itu menyatakan ia akan meminda Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Hudud dan Kisas) Terengganu dan Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan berhubung kes liwat, katanya pada persidangan media selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata: "Mereka (Pas) sering buat pindaan bahkan berkenaan kes liwat isteri ni pun mereka berkata mereka mungkin pinda undang-undang ini."

Dr Mahathir berkata ini jelas menunjukkan ia bukan undang-undang Tuhan tetapi undang-undang Pas yang ingin mencari sokongan bagi diri mereka sendiri.

"Sebab itu kenyataan kita bahawa Hudud Pas ini bukan Hudud Allah adalah benar kerana hudud Allah tidak boleh dipinda.

"Itu bukan sahaja pendapat kita tetapi ramai orang lain juga mempunyai pendapat yang sama," katanya.

Mengenai Pas yang mempersoalkan keikhlasan beliau berundur daripada jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno akhir bulan depan, Perdana Menteri berkata Pas memang tidak akan percaya dengan apa yang diperkatakan oleh orang lain.

"Apapun kenyataan tidak bermakna bagi Pas kerana apa yang bermakna kepada mereka hanya pendapat mereka sendiri," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata mesyuarat hari ini antara lain bersetuju membantu MCA mencari jalan untuk menarik lebih ramai pemuda Cina menyertai pasukan polis.

Selaras dengan mesyuarat Sidang Kemuncak Ketua-ketua Negara Islam yang ke-10 pada bulan depan di Putrajaya, Dr Mahathir berkata kempen Aman Malaysia akan digiatkan kembali dengan tumpuan kepada penindasan rakyat Palestin dan keadaan di Iraq.

"Semua ini kita tidak menganggapnya sebagai masalah negara Islam tetapi masalah pencabulan hak asasi manusia," katanya.

Sebelum ini kempen keamanan telah dilancarkan semasa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) pada Februari lepas.

-- BERNAMA

HK MUN PR